

Semua Ketua Program  
Semua Pusat Tanggungjawab

**SURAT ARAHAN BAHAGIAN AKAUN  
BILANGAN 1 TAHUN 2015**

**PELAKSANAAN APLIKASI i-BILL**

**1. TUJUAN**

1.1. Surat Arahan Bahagian Akaun ini dikeluarkan untuk:

- i. menguatkuasakan penggunaan aplikasi i-Bill di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berada di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) Bilangan 2 Tahun 2015 yang telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha pada 12 Ogos 2015; dan
- ii. memberi penerangan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk instalasi aplikasi i-Bill oleh pengguna setiap PTJ.

**2. PENGENALAN**

- 2.1. Bil dan tuntutan yang lengkap dan sempurna perlu dibayar segera tidak melebihi 14 hari dari tarikh ianya diterima selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103 (a). Prestasi pembayaran ini merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) kepada setiap Ketua Setiausaha Kementerian yang perlu dilaporkan kepada Ketua Setiausaha Negara secara dwi bulanan.
- 2.2. Daripada laporan prestasi pembayaran bil ini, didapati sebahagian besar daripada pembayaran yang dibuat melebihi 14 hari adalah berpunca daripada kesilapan kunci masuk tarikh di peringkat Penyedia Baucar Bayaran di PTJ.
- 2.3. Bagi menangani masalah ini, Cawangan Pengurusan Kewangan, Markas Tentera Laut telah mengambil inisiatif membangunkan satu aplikasi yang dinamakan i-Bill. Aplikasi ini telah dinobatkan sebagai Pemenang Tempat

Pertama Kategori Pengurusan Kewangan dalam pertandingan Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan (AIPK) 2014.

2.4. Pada peringkat awal, aplikasi ini dibangunkan khusus untuk menyelesaikan masalah kesilapan kunci masuk tarikh bagi PTJ di bawah Program Pertahanan Maritim. Melalui arahan ini, ia diperluaskan kepada semua PTJ di bawah lima (5) program yang lain iaitu:

- i. Program Pentadbiran Pertahanan
- ii. Program Bantuan Bersama
- iii. Program Pertahanan Darat
- iv. Program Pertahanan Ruang Udara
- v. Program Jabatan Latihan Khidmat Negara

### 3. FUNGSI APLIKASI i-BILL

3.1. Aplikasi i-Bill berupaya mengelakkan masalah pembayaran bil melebihi 14 hari yang berpunca daripada kesilapan kunci masuk Tarikh Terima Bil (TTB).

3.2. Aplikasi ini akan mengaktifkan paparan popup berwarna di skrin monitor komputer Penyedia untuk memaklumkan bilangan hari yang telah diambil oleh Penyedia sebaik sahaja TTB dikunci masuk ke dalam Sistem eSPKB. Bilangan hari dikira berdasarkan TTB dikunci masuk berbanding tarikh sebenar pada sistem. Manakala warna 'popup' akan menggambarkan tempoh yang telah diambil oleh Penyedia seperti jadual di bawah:

Warna Popup	Tempoh Penyediaan Baucar
Hijau	3 hari
Kuning	7 hari
Jingga	14 hari
Merah	Melebihi 14 hari


3.3. Berdasarkan popup berwarna ini, Penyedia akan segera membetulkan TTB yang telah dikunci masuk sekiranya mendapati tempoh yang dipaparkan adalah tidak munasabah (berlaku kesilapan semasa mengunci masuk TTB).

#### 4. SYARAT INSTALASI

- 4.1. Pastikan bahawa instalasi aplikasi i-Bill hanya dibuat pada komputer yang telah menggunakan sistem eSPKB.
- 4.2. Sila hubungi pentadbir sistem sekiranya komputer mempunyai sistem kawalan dalaman yang menghalang pengguna daripada melaksanakan instalasi sendiri aplikasi i-Bill mengikut prosedur yang telah diberikan.

#### 5. PROSEDUR INSTALASI


- 5.1. Buka pelayar web (seperti Internet Explorer, Firefox atau Chrome) dan masukkan alamat URL **http://128.1.200.36/i-bill.exe** atau **http://10.0.250.106/i-bill.exe** dan klik butang **[Enter]**.



- 5.2. Klik **[Save As]** untuk memuat turun fail i-Bill.exe.




- 5.3. Pilih lokasi untuk menyimpan fail i-Bill.exe dan klik **[Save]**.




5.4. Seterusnya klik **[Run]**.




5.5. Klik **[Run anyway]** sekiranya paparan seperti di bawah ditunjukkan di skrin.




5.6. Klik **[Install]** pada paparan berikutnya dan tunggu sehingga proses instalasi selesai.




5.7. *Shortcut* aplikasi i-Bill akan dipaparkan pada Desktop setelah proses instalasi selesai.




5.8. Klik kanan pada jam di sebelah bawah kanan monitor untuk membuat tetapan pada jam dan seterusnya klik pada **Adjust date/time**.




5.9. Klik pada **Change date and time**.




5.10. Klik pada **Change calendar settings**.




5.11. Tukar format **Short date** ke **dd/MM/yyyy** dan klik **[OK]**.




5.12. Untuk mula menggunakan i-Bill, klik dua kali pada ikon i-BILL pada Desktop.



5.13. Klik **[e-SPKB]**.



5.14. Klik pada lokasi yang disenaraikan.




Menu i-Bill hanya memaparkan PTJ yang berada di bawah liputan Program Pertahanan Maritim melibatkan negeri/kawasan berikut:


- i. Lembah Klang
- ii. Kedah
- iii. Kota Kinabalu
- iv. Pahang
- v. Pulau Pinang
- vi. Perak
- vii. Johor
- viii. Sandakan
- ix. Tawau

**Bagi PTJ yang tidak diliputi oleh pilihan lokasi yang disenaraikan, klik 'Lembah Klang'.**

5.15. Masukkan nombor pin Kad Pintar atau Token sekiranya diminta. Pengguna akan dibawa terus ke menu eSPKB untuk menjalankan urusan berkaitan.



**Bagi PTJ yang tidak diliputi oleh pilihan lokasi yang disenaraikan di para 5.14 dan telah memilih 'Lembah Klang', klik pada tanda 'X' untuk menutup paparan.**




5.16. Klik pada icon **[New Windows]**.



5.17. Masukkan alamat eSPKB mengikut lokasi Pejabat Perakaunan seperti senarai di bawah dan tekan **[Enter]**.

JANM Negeri Sembilan	<a href="https://nsemb/espkb/mainscreen.jsp">https://nsemb/espkb/mainscreen.jsp</a>
JANM Melaka	<a href="https://melaka/espkb/mainscreen.jsp">https://melaka/espkb/mainscreen.jsp</a>
JANM Kelantan	<a href="https://keltan/espkb/mainscreen.jsp">https://keltan/espkb/mainscreen.jsp</a>
JANM W.P. Labuan	<a href="https://labuan/espkb/mainscreen.jsp">https://labuan/espkb/mainscreen.jsp</a>
JANM Kuching	<a href="https://kuching/espkb/mainscreen.jsp">https://kuching/espkb/mainscreen.jsp</a>
JANM Sibul	<a href="https://sibu/espkb/mainscreen.jsp">https://sibu/espkb/mainscreen.jsp</a>





5.18. Pengguna boleh menggunakan sistem eSPKB yang dilengkapi dengan aplikasi i-BILL untuk memproses bil dan tuntutan seperti biasa. Fungsi aplikasi i-BILL akan aktif dan dapat membantu Penyedia dalam mengawal kesilapan kunci masuk tarikh seperti dihuraikan di para 3 di atas.

## 6. PANDUAN

6.1. Panduan i-BILL boleh dirujuk dengan:

- i. Membuka dokumen **MANUAL PENGGUNA APLIKASI I.docx** di direktori:

**C:\Program Files\iBILL** atau **C:\Program Files(x86)\iBILL** atau

- ii. Memuat turun manual pengguna i-Bill dari alamat:

**<http://128.1.200.36/manualibill.docx>** atau

**<http://10.0.250.106/manualibill.docx>**

## 7. RUJUKAN

7.1. Sebarang pertanyaan berhubung aplikasi i-Bill ini boleh dirujuk kepada:

Puan Marziah Fathilah	03 - 2071 5770	marziah@mod.gov.my
Encik Fasyan Rizal Mokhtar	03 - 2071 5222	fasyan@mod.gov.my
Encik Syazwan Firdaus Ramlee	03 - 2071 5090	syazwan@mod.gov.my

## **8. TARIKH KUATKUASA**

8.1. Arahan ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"**



**(DATO' SRI ABDUL RAHIM MOHAMAD RADZI)**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan Malaysia

17 September 2015